

**Israel bukan pertahan diri**  
**Utusan Online**  
**23 November, 2012**

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, Israel telah melakukan serangan melebihi kemampuan Gaza dan bukan bertujuan mempertahankan diri.

Menurut beliau, apa yang berlaku tersebut wajar segera dihentikan dengan gencatan senjata.

"Kemusnahan sampingan berlaku terutama kepada orang yang tidak bersalah. Kebanyakan mangsa adalah wanita dan kanak-kanak. Difahamkan jumlah kematian telah melebihi 100 dan lebih 2,000 penduduk Gaza cedera.

"Ini seharusnya tidak berlaku dan harus diselesaikan dengan gencatan senjata," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Penasihat Keselamatan Kebangsaan kepada Perdana Menteri Britain, Sir Nigel Kim Darroch di pejabatnya di bangunan Parlimen hari ini.

Ahmad Zahid mengulas mengenai gencatan senjata Israel-Palestin yang bermula pukul 3 pagi ini waktu Malaysia hasil diplomasi yang diusahakan Presiden Mesir, Dr. Mohammed Morsi.

Mengulas mengenai pertemuan ringkas itu, beliau berkata, apa yang dibincangkan adalah soal pertahanan serantau dan ada kaitan dengan Perjanjian Pertahanan Lima Negara yang mana kedua-dua negara antara lima negara terlibat.

"Kita juga ada bincang mengenai situasi di Gaza. Beliau setuju dengan pendapat saya Israel telah melakukan serangan melebihi kemampuan Gaza.

"Saya sudah minta pihak Britain supaya bagi tahu Israel untuk terus bersetuju dengan gencatan senjata itu," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, pendekatan Malaysia sama dengan Britain iaitu tidak seharusnya menambah perbelanjaan ketenteraan sebaliknya menggunakan apa yang ada atau menggantikan aset pertahanan yang tidak relevan dengan situasi pertahanan negara.

Katanya, mengukuhkan kesiapsiagaan adalah soal staf dan bukan aset dan oleh itu, Malaysia akan memperbesarkan Askar Wataniah atau pasukan simpanan tentera berbanding memperbesarkan jumlah pegawai tetap sedia ada.

Sementara itu, beliau yang juga Naib Presiden UMNO berkata, Perhimpunan Agung UMNO kali ini akan menjurus ke arah persiapan Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) iaitu bukan sahaja soal kekuatan jentera tetapi membincangkan bagaimana untuk mendekati 40 peratus pengundi atas pagar sebagai penentu kemenangan.

"Pilihan raya ini disifatkan luar biasa, jadi perlu ditangani secara luar biasa sekiranya timbul permasalahan dalam kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya UMNO sebagai tulang belakang boleh membantu," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Parlimen/20121123/pa\\_01/Israel-bukan-pertahan-diri](http://www.utusan.com.my/utusan/Parlimen/20121123/pa_01/Israel-bukan-pertahan-diri)